

Pengalaman pembelajaran guru terhadap bimbingan SISC+: Manfaatnya kepada amalan pengajaran guru dan pencapaian pelajar

ABSTRAK

Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan Pembimbing Pakar Peningkatan Sekolah (SISC+) atau School Improvement Specialist Coach pada tahun 2014 bertujuan memberikan bimbingan langsung kepada guru. Semenjak itu banyak kajian dilakukan terhadap program bimbingan SISC+, namun kajian yang ada masih belum cukup untuk membuktikan bahawa program bimbingan ini memberi manfaat langsung kepada kualiti pengajaran dan pembelajaran (PdP) guru. Sehubungan dengan itu kajian ini diketengahkan dengan tujuan untuk meneroka manfaat program bimbingan SISC+ daripada perspektif guru yang pernah dibimbing. Seramai sepuluh orang guru yang pernah dibimbing oleh SISC+ telah dipilih secara bertujuan untuk ditemu bual menggunakan soalan separa berstruktur. Rakaman temu bual ini kemudian ditranskripsikan baris demi baris, dikod dan dikategorikan untuk memunculkan tema. Tema yang terhasil ini kemudian digunakan untuk menjawab tiga persoalan kajian iaitu cara bagaimana guru menggambarkan pengalaman yang dilalui sewaktu dibimbing oleh pegawai SISC+; cara bagaimana pengalaman sewaktu dibimbing ini memberi manfaat kepada amalan profesional guru; dan cara bagaimana pengalaman pembelajaran ini memberi kesan kepada pencapaian kelas yang diajar. Keputusan kajian mendapati guru menerima baik bimbingan SISC+ sebagai sebahagian daripada peluang pembelajaran yang memberi manfaat langsung kepada amalan profesional mereka, sekali gus memberi kesan kepada pencapaian pelajar bagi kelas yang diajar. Dapatan kajian ini telah membuktikan bahawa program bimbingan SISC+ adalah satu daripada cara untuk meningkatkan amalan pengajaran guru melalui latihan secara in situ di mana manfaatnya bukannya hanya kepada guru malah kepada pelajar. Kesimpulannya, bimbingan SISC+ perlu diperkasa sebagai satu daripada kaedah pembangunan profesional berterusan untuk guru.